

# Wanita dan Kerjaya dalam Islam

## ✦ Siti Khatijah Ismail

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

“Wanita tidak perlu belajar tinggi, kelak di ceruk dapur juga tempatnya.” Ungkapan ini menggambarkan bahawa peranan yang dominan bagi wanita pada masa dahulu adalah untuk mengurus rumah tangga. Stigma masyarakat dahulu menunjukkan bahawa memiliki kerjaya bagi seorang wanita bukan suatu keperluan kerana wanita lebih diperlukan sebagai suri rumah.

Pandangan ini diwarisi secara turun-temurun hingga ke suatu era apabila wanita turut sama diperlukan untuk menyumbang dalam pembangunan masyarakat dan negara. Keperluan untuk keluar bekerja juga semakin mendesak apabila golongan ini perlu bersama-sama kaum lelaki untuk meningkatkan status ekonomi, kelangsungan kewangan keluarga dan demi pengembangan kerjaya. Pelibatan wanita dalam pekerjaan bukan sahaja menyumbang dalam perubahan landskap ekonomi negara, bahkan menjadikan mereka individu dengan pelbagai peranan, iaitu sebagai pekerja, isteri, ibu dan anak pada satu masa.

Pelbagai inisiatif yang disediakan oleh kerajaan bagi menggalakkan wanita menyertai dan kekal dalam pasaran pekerjaan pula merancang lagi pelibatan mereka dalam sektor pekerjaan. Program Pembangunan Pengeksport dan Program Pembangunan Usahawan Wanita yang dilaksanakan contohnya,

meningkatkan lagi pelibatan wanita dalam usaha mendukung kelestarian ekonomi negara. Dasar Wanita Negara juga menasaskan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada wanita terlibat pada peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam.

Meskipun perubahan ini memberikan impak positif



terhadap pembangunan negara, namun kegagalan menyeimbangkan antara peranan hakiki wanita dengan kerjaya boleh membawa kepincangan dari aspek keharmonian keluarga dan kelestarian dalam pendidikan generasi akan datang. Maka itu, wajar kita melihat kerangka syarak berkaitan dengan wanita berkerjaya dan langkah-langkah yang perlu bagi menyeimbangkan antara kecemerlangan kerjaya wanita dengan peranan hakiki mereka di rumah.

### **Wanita berkerjaya menurut kerangka syarak**

Kedudukan wanita pada era jahiliah penuh dengan diskriminasi berbanding dengan lelaki. Golongan ini dianggap hanya sebagai barang yang boleh dipindah milik dan tidak berhak memiliki harta. Namun begitu, kedatangan Rasulullah SAW yang membawa ajaran Islam telah meletakkan wanita pada tahap yang sama tinggi dengan kaum lelaki dan mengiktiraf sumbangan mereka dalam bidang ekonomi. Wanita pada zaman Rasulullah SAW juga bekerja dalam ruang

**Wanita perlu bijak menyeimbangkan antara pengurusan rumah tangga yang menjadi tugas hakikinya dengan kecemerlangan kerjaya yang menjadi pilihannya.**

lingkup yang bersesuaian dengan fizikal dan adab susila yang terpelihara. Sebagai contoh, Baginda pernah mengupah seorang wanita sebagai guru untuk mengajar Sayidatina Hafsa membaca dan menulis. Wanita juga terlibat sebagai sukarelawan di medan perang. Contohnya, Sayidatina Aisyah, Sayidatina Ummu Salamah, Arwa binti Abdul Mutalib dan Laila binti Abdul Mutalib berperanan merawat tentera yang cedera serta menyediakan bekalan air dan makanan. Selain itu, Rasulullah SAW juga sangat menitikberatkan pendidikan kaum wanita termasuk hamba sahaya.

Kebenaran bagi wanita untuk keluar bekerja oleh syarak merupakan satu kemuliaan yang perlu dipelihara. Sehubungan dengan itu, kebenaran ini perlu dalam batasannya agar kekal mengikut landasan syarak. Hal ini bagi menjamin kecemerlangan wanita dalam kerjaya seiring dengan kecemerlangan dalam hal mengurus rumah tangga ke arah mewujudkan keluarga berkualiti. Oleh itu, syarak menetapkan beberapa had dan garis panduan bagi wanita berkerjaya.

### **Garis panduan syarak wanita berkerjaya**

Dalam sesetengah keadaan, seseorang wanita wajib bekerja untuk menanggung perbelanjaan hidupnya sendiri atau keluarga apabila pihak yang menanggungnya sudah tiada atau tidak berkemampuan lagi. Tuntutan bekerja bagi wanita juga boleh menjadi fardu kifayah apabila pekerjaan tersebut dapat membantu untuk membangunkan masyarakat Muslim seperti

berniaga atau terlibat dalam bidang yang diperlukan seperti perubatan, pendidikan dan perkhidmatan. Meskipun begitu, wanita masih terikat dengan beberapa garis panduan sebelum memilih untuk berkerjaya, iaitu:

#### **1 Mendapat keizinan suami**

Keizinan suami bagi isteri yang memilih untuk bekerja di luar merupakan garis ukuran halal dan keberkatan pekerjaannya. Tugas menafkahi keluarga merupakan tanggungjawab seorang suami, manakala wanita yang bersama-sama mengambil tanggungjawab ini merupakan khidmat untuk turut membantu suami. Keizinan suami tersebut bertujuan untuk memelihara wanita yang berstatus isteri agar tidak sampai mengabaikan keluarga setelah keluar bekerja.

#### **2 Pekerjaan yang sesuai dengan fitrah dan tidak mendatangkan kemudaratan**

Kebenaran bekerja oleh suami kepada isteri bukan merupakan tiket untuk bergerak bebas dan bertindak di luar batasan syarak. Seorang isteri masih memikul tugas hakikinya sebagai isteri. Tugas yang disediakan oleh Allah SWT untuk wanita sesuai dengan fizikal dan mental mereka, iaitu mendidik seluruh generasi. Dr. Yusuf al-Qaradawi ada menyebut bahawa tugas ini merupakan kerjaya pertama dan terbesar bagi seseorang wanita. Oleh itu, sekiranya wanita memilih untuk berkerjaya, maka kerja

tersebut perlu sesuai dengan fitrah mereka dan tidak mendatangkan kemudaratan.

### 3 Tidak mengabaikan tugas hakiki

Pekerjaan yang diceburi oleh seseorang wanita hendaklah tidak menyebabkan mereka mengabaikan tugas hakiki, iaitu kewajipan terhadap suami dan anak-anak. Memfokuskan pekerjaan di luar sehingga mengabaikan tugas hakiki terhadap suami dan anak-anak boleh mencetuskan konflik dan kepincangan dalam keluarga. Selain itu, pekerjaan yang dilakukan hendaklah tidak mengganggu fungsi asal mereka sebagai isteri atau ibu. Sekiranya hal ini terjadi, maka matlamat berkeluarga untuk mencapai sakinah, mawaddah dan rahmah akan gagal, seterusnya mencetuskan bibit kepincangan.

### 4 Pekerjaan yang halal

Tuntutan untuk keluar bekerja kerana desakan hidup atau keperluan yang lain tidak membenarkan wanita memilih sebarang kerja yang disukainya. Pekerjaan tersebut mestilah pekerjaan yang dibenarkan oleh syarak. Oleh itu, haram menceburkan diri dalam pekerjaan yang jelas haram seperti menjadi jurujual bagi perniagaan arak atau menjadi pelacur atau penari di kelab malam. Hal yang sama juga bagi jenis pekerjaan yang asalnya halal menurut syarak seperti menjadi pembantu khas kepada seorang ketua,

tetapi memerlukan mereka sering berdua-duaan dan berada dalam situasi yang meragukan.

### 5 Menjaga adab dan kehormatan diri

Wanita yang solehah akan sentiasa menghiasi dirinya dengan sifat malu. Apabila mereka keluar bekerja, wanita perlu sentiasa menjaga adab dan kehormatan diri sesuai dengan tuntutan syarak dari aspek penampilan, gaya berjalan, pertuturan dan pergerakan. Syarak mengharamkan wanita keluar dalam keadaan bertabaruj (berhias dan menarik perhatian). Wanita perlu berpakaian menutup aurat, tidak berhias secara berlebihan, memakai wangian yang kuat serta tidak memanjakan suara ketika berinteraksi.

Berdasarkan prasyarat tersebut, jelas bahawa konsep pekerjaan yang baik dalam Islam bukan hanya memfokuskan aspek kepuasan dari segi gaji, persekitaran kerja yang kondusif dan hubungan baik antara majikan dengan pekerja. Konsep pekerjaan yang baik sebenarnya mempunyai skop yang lebih luas, iaitu mendapat keselesaan di dunia dan di akhirat. Bagi memperoleh kedua-dua aspek tersebut, maka seorang wanita perlu bijak menyeimbangkan antara pengurusan rumah tangga yang menjadi tugas hakikinya dengan kecemerlangan kerjaya yang menjadi pilihannya.

## Langkah menyeimbangkan urusan kerja dan keluarga

Pilihan untuk menjalani kehidupan sebagai seorang pekerja dan pada masa yang sama berperanan sebagai seorang isteri atau ibu bukan suatu perkara yang mudah. Hebatnya wanita apabila kedua-dua fungsi ini dapat dilaksanakan dengan baik dan tidak menimbulkan konflik. Namun begitu, sering kali kita melihat wanita yang bekerja mengalami stres apabila gagal melaksanakannya dengan baik. Sehubungan dengan itu, beberapa langkah berikut boleh diambil bagi menghadapi konflik yang dihadapi:

### 1 Menganggap kerja sebagai ibadat

Bagi menghilangkan rasa bersalah atau tekanan kerana memilih untuk bekerja, wanita perlu meletakkan asas tujuan bekerja sebagai ibadat. Bekerja dalam ruang lingkup tujuan yang dibenarkan oleh syarak tanpa melangkahi batas yang dibenarkan merupakan suatu hal yang baik. Sekiranya bertujuan untuk membantu keluarga dan menyumbang sesuatu bagi manfaat ummah, maka hal tersebut dikira sebagai ibadat. Bayangkan jika setiap saat pekerjaan kita dikira sedang melakukan ibadat kerana mempunyai niat bekerja yang betul dan diganjar dengan pahala yang setimpal.

### 2 Pengurusan masa yang baik

Pengurusan masa yang baik menjadi kunci terhadap kecemerlangan pengurusan

kerjaya dan urusan rumah tangga. Wanita yang bekerja pastinya mempunyai banyak masa di tempat kerja berbanding berada di rumah. Kecekapan mengurus masa ketika bekerja wajar turut diaplikasikan dalam urusan rumah tangga. Kesibukan bekerja tidak seharusnya menjadi alasan tidak dapat menyediakan keperluan suami dan anak-anak. Wanita boleh membuat persiapan memasak lebih awal supaya proses menyediakan makan minum ahli keluarga lebih cepat. Urusan memastikan rumah sentiasa kemas dan bersih boleh disusun mengikut jadual dan dalam ruang lingkup kemampuan. Selain itu, tugas di tempat kerja biarlah selesai di tempat kerja, dan melakukan urusan rumah tangga pula janganlah sampai mengambil masa bekerja. Pengurusan masa yang baik ini juga boleh dibincangkan bersama-sama suami dan anak-anak sebagai sistem sokongan terhadap wanita berkerjaya. Pelibatan semua ahli keluarga sangat membantu isteri atau ibu yang bekerja seterusnya dapat mengelak daripada berlakunya tekanan.

### **3 Menjaga komunikasi dengan pasangan dan anak**

Hubungan kekeluargaan yang cemerlang dilihat dari aspek komunikasi antara ahli keluarga. Kurangnya komunikasi dikenal pasti sebagai satu daripada faktor hilang keharmonian dan keruntuhan rumah tangga.

Oleh itu, kesibukan dan kepenatan bekerja tidak sepatutnya mengabaikan aspek komunikasi yang sangat penting ini. Seseorang isteri atau ibu berkerjaya perlu sentiasa memastikan hubungan dan jalinan rasa kasih sayang sentiasa terpelihara dengan sentiasa berbual dan bertanya khabar tentang hal yang dilalui pada setiap hari, atau mengucapkan kata-kata semangat dan kasih sayang kepada mereka. Hal ini bermaksud bahawa mereka sentiasa memastikan suami dan anak tidak berasa ditinggalkan atau terabai kerana kesibukan bekerja.

### **4 Meluangkan masa bersama-sama keluarga**

Wanita yang cemerlang dengan pelbagai fungsi bijak mengurus masa antara kerjaya dengan keluarga. Mereka sentiasa ingat akan tugas hakiki di rumah dan mengetahui prioritinya. Oleh itu, wanita yang hebat bijak meluangkan masa bersama-sama keluarga. Mereka boleh menetapkan jadual aktiviti tahunan secara tetap seperti meraikan hari ulang tahun, memperuntukkan masa untuk percutian keluarga, dan menziarahi ahli keluarga. Meluangkan masa ketika bersarapan dan minum petang juga cukup bermakna bagi suami dan anak-anak. Menghadiri setiap aktiviti sekolah juga menunjukkan komitmen yang tinggi dan tanda kasih dan peduli seorang ibu terhadap anaknya sekalipun bergelumbang

dengan kerja yang banyak. Pengorbanan masa ini bukan kecil nilainya bagi suami dan anak-anak, bahkan menumbuhkan emosi yang baik dan kekal dalam memori mereka.

### **5 Merancang waktu luang untuk diri sendiri**

Satu daripada cara untuk wanita menyeimbangkan antara kerjaya dengan keluarga juga adalah dengan turut meluangkan waktu untuk dirinya sendiri. Luangkanlah masa untuk diri sendiri dengan melakukan apa-apa yang disukai seperti berbelanja membeli produk kesihatan, mengunjungi spa atau melakukan kerja kebajikan. Wanita juga boleh memperuntukkan masa dengan melakukan hobi seperti menulis, menghias rumah atau berkebun. Apa-apa sahaja aktiviti yang dilakukan, yang paling utama aktiviti tersebut dapat membangkitkan aura keceriaan dan memupuk minda yang sihat, seterusnya memberikan aura kebahagiaan dalam keluarga.

Kesimpulannya, wanita yang cemerlang dalam kerjaya dan keluarga merupakan individu yang hebat dan bijak kerana tahu menggunakan setiap peluang dan masa dengan sebaiknya. Mereka mampu mencorakkan kesejahteraan dan keharmonian rumah tangga di samping berjaya melaksanakan peranan sebagai pekerja dengan baik dan amanah. 